

Taburan ketakselajaran dalam profil luluhawa batuan metasedimen - Kajian kes cerun potongan CH11540 - CH11700 Lebuhraya Baru Pantai, Kuala Lumpur

TAJUL ANUAR JAMALUDDIN

Gelogy Department, University of Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Cerun Potongan di CH11540 -CH11700 Lebuhraya Baru Pantai, Kuala Lumpur, terdiri daripada batuan metasedimen Formasi Kenny Hill, yang berusia Perm-Karbon. Formasi ini terdiri daripada selang lapis metabatu pasir, metabatu lumpur dan syal yang telah termetamorf menjadi seakan-akan filit. Cerun potongan setinggi 23m ini mendedahkan batuan terluluhawa sederhana (gred III) hingga sepenuhnya (gred V) dan tanah baki (gred VI).

Survei ketakselajaran telah dilakukan pada setiap cerun teres dengan kaedah garis pengimbasan yang direntangkan pada permukaan cerun. Setiap satah ketakselajaran yang memintasi garis imbasan ini direkodkan orientasinya (jurus dan kemiringan). Data-data ketakselajaran tersebut diasingkan mengikut gred luluhawa batuan dan diplotkan ke dalam unjuran stereografi hemisfera bawah untuk menilai taburan ruangnya di dalam profil luluhawa.

Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa orientasi ketakselajaran relikta yang terawet di dalam "tanah kejuruteraan" (batuan gred IV - V), didapati hampir sama dengan orientasi ketakselajaran yang terdapat di dalam "batuan dasar" (gred III). Ini membuktikan bahawa pemetaan struktur ketakselajaran relikta secara terperinci dan teliti boleh memberikan gambaran sebenar orientasi ketakselajaran pada batuan dasar, dengan syarat zon "tanah kejuruteraan" dan "batuan dasar" tersebut berada di dalam domain struktur yang sama.